



**HARI TERBUKA
KEMENTERIAN KEWANGAN**
30 MAC 2017
"Memperkenalkan Hibungaran"

Berhampar Di: Perbandaran, Arau Bawah & Seli, Kompleks Kementerian Kewangan, Presid 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62392 PUTRAJAYA.



LPPSA
110
BERMUDA
BERHA
DARAH



**PEMERIKSAAN
KESIHATAN**
5,000
KEKOSONGAN
JAWATAN



**AUTO
FOOD
TRUCK**
GABUTAN
BERTUAH!

GPS lakukan pemetaan Sungai Semenyih



AZMAN AHMAD (dua dari kanan) sedang mendengar penerangan mengenai pencemaran air daripada pegawai Global Environment Centre (GEC) di Kampung Rinching Hilir, Semenyih.

Roskhoirah Yahya

26 Mac 2017 3:06 PM

132

KUALA LUMPUR 26 Mac - Pertubuhan Gagasan Prihatin Semenyih (GPS) berhasrat melakukan pemetaan di sepanjang Sungai Semenyih bagi memudahkan masyarakat mengenal pasti punca pencemaran sumber alam itu.

Pengerusinya, Azman Ahmad berkata, pemetaan tersebut melibatkan beberapa zon antaranya perkilangan dan ladang pertanian selain dijadikan sumber rujukan kepada agensi yang berwajib.

"Seperti diketahui umum, kawasan Semenyih sering kali mengalami gangguan bekalan air ekoran berlakunya pencemaran sungai dan tindakan harus diambil dengan segera.

"Bagaimanapun, kami kesal dengan penguatkuasaan yang kurang tegas sekali gus menyukarkan masalah tersebut diselesaikan," katanya kepada Utusan Malaysia selepas mengadakan pemantauan Sungai Semenyih di Kampung Rinching Hilir, Semenyih dekat sini hari ini. - UTUSAN ONLINE